

## REALITI SOSIAL DALAM SUARA KITA: ANTOLOGI SERIBU SAJAK MERDEKA

SHARIFAH SHAHIRAH SYED JAFFAR

Universiti Teknologi MARA

[2021834118@student.uitm.edu.my](mailto:2021834118@student.uitm.edu.my)

IZRA INNA MD IDRIS\*

Universiti Teknologi MARA

[izrainna@uitm.edu.my](mailto:izrainna@uitm.edu.my)

SITI NORMALA HAMZAH

Universiti Teknologi MARA

[normalahamzah@uitm.edu.my](mailto:normalahamzah@uitm.edu.my)

\*Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Makalah ini menganalisis paparan realiti sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat berdasarkan buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013). Realiti sosial merupakan sebuah perlakuan dalam ruang lingkup kehidupan masyarakat yang dapat dilihat dari sudut pandang positif maupun negatif. Puisi yang diteliti melihatkan realiti sosial melalui dua pemuisi iaitu, Hanifah Hj Ibrahim dengan judulnya ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dan ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ serta Saudah Mat Lazim yang bertajuk ‘Kampungku’ dan ‘Mengenang Sejarah Silam’. Makalah ini mewartakan persepsi penulisan empat buah puisi dalam menghuraikan kehidupan masyarakat yang mempunyai kaitan dengan permasalahan realiti sosial di negara ini. Hal ini bagi memberi ruang kepada masyarakat dalam meneliti hubung kait realiti sosial masyarakat dan perspektif nyata dalam sudut penglihatan pemuisi bersandarkan teks. Analisis teks menggunakan teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine berdasarkan kepada tiga elemen utama, iaitu *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa atau momentum tradisi budaya dahulu dan sekarang). Dapatkan penulisan ini memperlihatkan bahawa empat puisi dipilih menonjolkan realiti sosial yang pelbagai dan mempunyai kaitan jelas bersama teori yang dikemukakan. Terdapat empat tema yang terdapat dalam puisi-puisi terpilih tersebut, iaitu pergaulan bebas dan pembuangan bayi, masalah rasuah dan skim cepat kaya, masalah pencemaran alam sekitar, dan penyalahgunaan dadah. Hasil kajian mendapati bahawa penulisan realiti sosial merungkai permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat yang dapat dihuraikan melalui tiga elemen dalam teori sosiologi sastera. Oleh hal yang demikian, makalah ini melihat pembangunan lahiriah dan insaniah masyarakat berdasarkan penelitian bersandarkan teks agar perbincangan yang dibuat dapat memberikan manfaat yang baik kepada kehidupan sejagat manusia.

**Kata kunci:** Realiti sosial; masyarakat; puisi; teori sosiologi sastera; Hippolyte Taine.

## SOCIAL REALITY IN SUARA KITA: ANTOLOGI SERIBU SAJAK MERDEKA

### ABSTRACT

This paper analyzes the social reality in the community using *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013) as a source. Social reality is a behavior within the context of community life that may be viewed from both a good and bad perspective. The studied poetry examines social reality through the works of two poets; Hanifah Hj Ibrahim with the title ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ and ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, and Saudah Mat Lazim titled ‘Kampungku’ and ‘Mengenang Sejarah Silam’. This essay introduces the idea that four poems have been written to help untangle the community's life in relation to the issues facing social realities in this nation. This will give the community a place to view the specific poetry that illustrates societal reality. This is done to provide the community a chance to examine how the poet's true perspective—as represented in the poem—relates to the community's social reality. This essay employs textual analysis in accordance with Hippolyte Taine's theory of sociology of literature, which is predicated on three key components: race, milieu, and moment. The results of this study demonstrate that the four poems chosen to illustrate various social realities have a direct bearing on the argument put out. The chosen poems have four main themes: promiscuity and baby dumping, corruption and get-rich-quick schemes, environmental pollution, and drug abuse. The results of this study reveal that the four poems chosen to portray distinct social situations and link with the theory provided. Thus, in order to contribute positively to the universal life of people, this study examines the internal and external evolution of society using text-based research.

**Keywords:** Social reality; society; poems; the theory of sociology of literature; Hippolyte Taine.

### PENDAHULUAN

Kajian ini menganalisis paparan realiti sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat berdasarkan buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013) melalui dua pemuisi iaitu, Hanifah Hj Ibrahim dan Saudah Mat Lazim. Empat puisi dalam antologi tersebut diteliti dan diuraikan mengikut perkaitan permasalahan realiti sosial di negara ini dengan menggunakan teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine berdasarkan kepada tiga elemen utama, iaitu *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa atau momentum tradisi budaya dahulu dan sekarang). Dalam puisi, terdapat beberapa sudut penilaian yang boleh dicapai dalam mengungkap makna tersurat mahupun tersirat yang disampaikan oleh pemuisi. Sudut penilaian yang dinyatakan boleh berbaur pengajaran yang ingin pemuisi sampaikan, penceritaan individu melalui dalaman serta luaran dan gambaran kehidupan masyarakat yang boleh dilihat secara jelas melalui karyaTerdapat empat tema yang terdapat dalam puisi-puisi terpilih tersebut, iaitu pergaulan bebas dan pembuangan bayi, masalah rasuah dan skim cepat kaya, masalah pencemaran alam sekitar, dan penyalahgunaan dadah.

Realiti sosial, masyarakat dan puisi adalah tiga pecahan kata kunci utama dalam penulisan ini. Pertama, secara dasarnya segala akar umbi peristiwa melibatkan tingkah laku dalam masyarakat yang menjadi kebiasaan telah membuka makna realiti sosial. Takrifan realiti sosial ini dapat dirungkaikan sebagai hal ehwal nyata berlaku dalam kehidupan tamadun

masyarakat merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat yang secara lazimnya dapat dilihat serta dibincangkan. Menurut Ros Anita Kartini Mohamed dan Nagesvari Paramasivan (2020) realiti sosial dapat dirujuk sebagai suatu perkara yang terjadi dalam kehidupan masyarakat akibat daripada perilaku manusia yang hidup dalam lingkungan sosial sehingga terbentuknya suatu pembawaan yang diterima oleh masyarakat sekeliling. Kenyataan ini disokong oleh Wahyu Cristy Sulung Saputri dan Agus Hariadi (2020), iaitu realiti sosial merupakan realiti sebenar dalam masyarakat yang diambil dari sisi positif maupun negatif. Justeru, realiti sosial adalah pemaparan sebenar berkaitan norma kehidupan yang terjadi dalam sebuah masyarakat (Abdul Rahim Mohamad, 2013).

Kejayaan dan kemajuan sebuah negara itu dapat dinilai melalui ketamadunan insan yang memaparkan kestabilan dari sudut lahiriah serta sahsiah peribadi individu. Hal ini dapat dilihat menerusi kehidupan individu secara berkelompok sebagai gaya hidup penempatan bermasyarakat. Masyarakat merupakan elemen utama dalam membentuk negara yang maju. Dengan wujudnya masyarakat cemerlang, maka negara secara amnya berada dalam keadaan harmoni yang maju dari segi pemikiran, kerohanian, dan kebendaan (Ros Anita Kartini Mohamed & Nagesvari Paramasivan, 2020). Puisi merupakan satu bentuk keindahan yang mempunyai corak seni meluas yang dapat dilihat dalam kesusasteraan Melayu (Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir, 2013). Oleh hal yang demikian, penulisan ini meneliti realiti sosial kehidupan masyarakat bersandarkan teks puisi terpilih dengan menggunakan teori sosiologi sastera, iaitu *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa atau momentum).

Seterusnya, objektif kajian memfokuskan kepada paparan realiti sosial dalam puisi-puisi terpilih dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013) menurut teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine. Antara persoalan kajian ialah apakah permasalahan sosial yang dipaparkan dalam empat buah puisi yang dipilih dan bagaimanakah paparan realiti sosial dalam puisi-puisi tersebut dikaitkan dalam teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine.

Tambahan pula, penulisan ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada semua peringkat umur dalam masyarakat bagi melestarikan lagi sahsiah diri dalam memacu kepada pembangunan insan yang berwawasan. Secara jelasnya, penulisan dibuat menyentuh paparan yang terjadi pada dunia hari ini berkaitan permasalahan realiti sosial yang berlebar dalam masyarakat setempat. Selain itu, penulisan ini memfokuskan kepada kehidupan golongan masyarakat secara khusus untuk membuka dunia luas kepada anak bangsa bagi memahami segala yang berkaitan dengan realiti sosial dan permasalahan akar umbi yang didedahkan melalui penulisan. Dengan itu, penulisan ini penting bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk memahami permasalahan yang berlaku dan mencari inisiatif untuk memperbaiki masalah ini pada masa akan datang.

Selain itu, skop kajian hanya tertumpu kepada dua orang pemuisi, iaitu Hanifah Hj Ibrahim dan Saudah Mat Lazim kerana penulisan mereka dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013) lebih tertumpu kepada permasalahan dalam masyarakat. Manakala, empat buah puisi yang ditulis oleh mereka telah dipilih kerana kecenderungannya memaparkan isu-isu semasa dan kehidupan anak bangsa yang kini dilanda masalah sosial sehingga memberi impak negatif kepada bangsa dan negara. Manakala, limitasi kajian pula memfokuskan kepada empat buah puisi dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka*, iaitu ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dan ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ oleh Hanifah Hj Ibrahim, serta ‘Kampungku’ dan ‘Mengenang Sejarah Silam’ oleh Saudah Mat Lazim.

Secara keseluruhan, penulisan ini membuat garapan yang memusatkan kepada paparan realiti sosial dalam kalangan masyarakat melalui analisis tekstual dengan menyelami kandungan tersurat dan tersirat dari puisi yang dipilih. Dengan itu, penulisan ini melakukan penelitian berkesan agar objektif yang dikemukakan dapat dijawab sebaiknya. Ini adalah bagi memastikan bahawa penulisan ini dapat memberi maklumat yang bermanfaat buat dijadikan sandaran dan

iktibar kepada bangsa agar tidak berlakunya sebarang implikasi yang bakal memudaratkan penduduk dan negara itu sendiri.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian lepas membincangkan mengenai penulisan yang berkaitan serta dijadikan bahan bacaan serta dokumen sokongan dalam penghasilan makalah ini. Secara jelasnya, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa kajian paparan realiti sosial dengan bersandarkan kepada puisi, seperti yang dilakukan dalam makalah ini. Penulisan ini secara dasarnya mempunyai beberapa kata kunci yang bertepatan yang boleh diambil sebagai rujukan melalui kajian lepas yang diteroka namun terdapat sedikit perbezaan dalam konteks yang ingin dilihat dalam penulisan ini. Pada bahagian ini, menekankan mengenai kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan penulisan yang dihasilkan dengan mengelaskan pecahan penulisan kepada tiga bahagian, iaitu masalah sosial masyarakat, realiti sosial dan sastera Melayu moden.

Antara kajian lepas yang menjadi tumpuan dalam mencari idea dan maklumat meluas berkait rapat dengan kajian ini ialah *Kajian Sosiologi Bahasa dalam Puisi-Puisi Dharmawijaya* (2015), Jurnal Peradaban Melayu oleh Ani Haji Omar menyatakan bahawa puisi Melayu moden seringkali dihubungkan dengan permasalahan dalam masyarakat. Secara sedar atau tidak, penyair menyampaikan apa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat melalui puisi mereka. Makalah ini mengkaji tiga buah puisi Dharmawijaya, iaitu ‘Kampung Talang’, ‘Cinta Sayang di Sawah Ladang’ dan ‘Tanah Airku’ menghubungkan disiplin ilmu sosiologi dan kaitannya dengan bahasa dalam melihat gambaran masyarakat yang berlaku di kampung halaman penyair. Permasalahan yang merangkumi sosial, ekonomi dan teknologi antara bandar dan luar bandar yang tidak seimbang telah ditegaskan oleh penyair. Keadaan sosial yang pincang dan masalah kepimpinan yang korup turut disentuh dalam penulisan ini dengan mengaplikasi disiplin sosiologi bahasa. Dapatkan kajian menunjukkan selepas Merdeka, penyair seperti Dharmawijaya turut menulis cita-cita bagi mencapai kemerdekaan, serta menyedarkan bangsanya untuk terus maju dalam sajak cinta damai, cinta sawah ladang dan cinta tanah air. Oleh yang demikian, bagi memelihara jati diri, penyair menyatupadukan karya sastera dengan sosiologi dan bahasa untuk memperlihatkan transformasi dalam kesusasteraan Melayu. Perkara ini dilakukan bagi mengangkat karya kesusasteraan Melayu serta martabat bahasa. Dari makalah ini dapat disimpulkan kajian ini dijadikan salah satu bahan rujukan disebabkan oleh pengetahuan yang menyeluruh mengenai sastera. Dengan kata lain, jurnal ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan, iaitu melihat permasalahan yang berlaku dalam masyarakat dengan perbezaan teori yang digunakan, iaitu teori Sosiologi Bahasa. Makalah ini memberi panduan dalam menulis kajian berdasarkan puisi dalam melihat permasalahan dalam masyarakat.

Kajian *Analisis Stilistik dalam Himpunan Puisi Baharudin Zainal* oleh Nurul Auni Nadhirah Mohd Rashidi dan Azean Idruwani Idrus (2021) membincangkan 16 puisi pilihan yang terkandung dalam “Siang Tak Pernah Mungkir dan Kau Akan Dewasa” oleh Sasterawan Negara, Baharudin Zainal. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan diksi yang berunsurkan alam serta menganalisis jenis-jenis makna yang ditemui dalam penulisan puisi tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis kandungan teks sebagai kaedah kajian. Teori Makna oleh Leech (1974) telah digunakan dalam analisis puisi dengan menggariskan lima jenis makna, iaitu makna denotasi, makna konotasi, makna afektif, makna figuratif dan makna kolokasi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan diksi yang berunsurkan alam amat dominan dan signifikan dalam penulisan puisi tersebut. Selain itu,

kelima-lima jenis makna yang disandarkan dalam kajian menepati untuk menggambarkan makna puisi. Hasil analisis membuktikan bahawa penulisan Baharudin Zainal menggunakan alam semesta sebagai simbol atau perlambangan untuk menzahirkan makna yang tersirat. Secara keseluruhannya, kajian ini membantu pengkaji memahami isi dan penyampaian penulisan puisi Melayu dengan lebih terperinci. Berbeza dengan kajian yang sedang dilakukan, pengkaji menggunakan teori sosiologi sastera untuk menggambarkan keadaan masyarakat berdasarkan empat buah puisi.

Kajian lepas yang seterusnya *Sajak sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Hanis Athirah Rosazlan (2023). Kajian genre sajak memerlukan penelitian dalam memahami aspek intelektualisme dan sebagai medium mendidik Masyarakat. Masyarakat menganggap sajak sebagai luahan perasaan bagi sebuah permasalahan namun sajak juga bertindak sebagai medium mendidik masyarakat melalui nilai dan mesej yang terkandung dalam sebuah sajak. Tujuan utama sebuah sajak ditulis ialah untuk mempersempit tema, persoalan dan pengajaran serta menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat. Justeru, objektif kajian ini ialah mengenal pasti nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan, menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan membincangkan kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik masyarakat Melayu masa kini. Kajian ini memilih teks *Kumpulan Puisi Menunggu Pesawat*, *Kumpulan Sajak Pujangga Tidak Bernama* dan *Mutiara Sastera Melayu Moden* bagi menganalisis permasalahan dalam Masyarakat dan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan moral bagi mendapatkan hasil kajian. Dapatkan kajian menemukam bahawa teks kumpulan sajak Zurinah Hassan mempunyai nilai medium mendidik dan memanipulasikan nilai medium tersebut melalui nilai kasih sayang, patriotik, ketakwaan, keinsafan, kebijaksanaan, dan bertanggungjawab. Sajak Zurinah Hassan berjaya mendidik masyarakat melalui prinsip ketiga dibawah pendekatan moral, iaitu mementingkan unsur didaktik. Persamaan pada kajian ini ialah penggunaan teks sajak dan puisi dalam mendidik masyarakat manakala perbezaan teori yang digunakan serta konsep pemusatkan kepada permasalahan berlaku dalam kalangan masyarakat serta gambaran masyarakat melalui sandaran konteks yang ingin disampaikan oleh pemuisi.

## METODOLOGI

Metodologi atau keadah merupakan elemen penting dalam sebuah penulisan kajian. Menurut Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari et al. (2019) menyatakan bahawa kaedah, cara ataupun pendekatan yang diambil dalam mencapai matlamat dan objektif kajian. Oleh itu, bahagian ini mengupas secara lanjut mengenai kaedah analisis tekstual dan teori yang digunakan. Kaedah menganalisis teks menjadi salah satu elemen utama dalam menghasilkan penulisan ini. Ini dapat dilihat melalui penelitian teks yang diambil dari buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* yang diterbitkan pada tahun 2013.

Buku ini mempunyai 1426 halaman, mengandungi 1000 puisi dari 519 orang penulis dari serata negeri di Malaysia yang bertemakan semangat patriotik. Latar penerbitan antologi ini telah bermula pada tahun 2007. Namun, disebabkan kekangan kos yang berlaku pada ketika itu terbitan buku ini dibekukan. Buku ini akhirnya berjaya diterbitkan sempena sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-56 dan Perayaan Hari Malaysia ke-50. Kategori puisi dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* ini dibahagikan kepada 10 tema, iaitu Tokoh Negara (yang penting ialah kepimpinan bukannya pemimpin), Agamawan (yang penting ialah keilmuan


bukannya ulama), Ahli Politik (yang penting ialah rakyat bukannya wakilnya), Anak Merdeka (yang penting ialah jasa bukannya tanggal kelahiran), Sasterawan/ Penulis/ Wartawan (yang penting ialah karya bukannya karyawan), Penyair dari Seberang (yang penting ialah puisi bukannya penyair), Mahasiswa/ Pelajar (yang penting ialah pelajaran bukannya institusi pengajian), Pegawai Kerajaan/ Pesara (yang penting ialah perkhidmatan bukannya pekerjaan), Saudagar/ Ahli Korporat (yang penting ialah sedekah bukannya lubuk kekayaan), Petani/ Suri Rumah/ Pekerja (yang penting ialah kegigihan bukannya pasrah).

Penasihat bagi buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013) terdiri daripada Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman (Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia), Datuk Poziah Haji Abdul Rahman (Timbalan Ketua Pengarah - Penerangan Strategik), Encik Mohd Tarmidzi Hashim (Timbalan Ketua Pengarah - Pengurusan), Ketua Editor Zabidin Haji Ismail, Editor Hasnida Samsudin, Penyelenggara Antologi Zabidin Haji Ismail, Prof Dr HM Bukhari Lubis, Profesor Madya Dr Talib Samat, Onn Abdullah, Mohd Hashim Osman, Mohd Sabri Ibrahim, Mohd Paris Arshad, Anuar Mohd Yusoff Persatuan Karyawan Perak [Karyawan Pk].

Dengan itu, kaedah meneliti teks ini amat penting dalam mengkaji informasi serta pemahaman yang dapat dicungkil dari keseluruhan penulisan. Segala isian maklumat sama ada tersirat mahupun tersurat dicatat dengan teliti dengan memerhatikan kepada aspek yang boleh dicungkil berkaitan dengan penulisan ini. Melalui kaedah kajian teks ini juga, dapat dirungkaikan bahawa terdapat pelbagai permasalahan berkaitan masalah sosial berkait dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja yang dapat dicungkil dari keempat buah sajak yang telah dipilih.

Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian merupakan suatu elemen yang penting dalam suatu penulisan bagi melengkapkan komponen diperlukan dan menjawab persoalan serta objektif kajian dari keseluruhan paparan teks yang terkandung dalam penulisan ini. Matlamat penulisan ini adalah bagi mengkaji rungkai permasalahan sosial serta mengemukakan paparan realiti sosial yang terkandung dalam puisi-puisi terpilih *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013). Penulisan ini mendalamai puisi dengan bersandarkan kepada pendedahan empat buah puisi yang diambil oleh dua penulis. Karya yang diambil ialah dari Hanifah Hj Ibrahim dengan tajuk sajaknya yang berbunyi ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dan ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ serta Saudah Mat Lazim yang berjudul ‘Kampungku’ dan ‘Mengenang Sejarah Silam’ iaitu sajak yang terdapat dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka*. Kesemua karya yang dikaji mempunyai unsur yang sama dengan berpaksikan kepada permasalahan realiti sosial yang bersangkut paut dengan golongan masyarakat di negara ini yang menjadi perbualan di tirai karya pemuisi berlandaskan teks puisi tersebut.

Rajah 1. Analisis tekstual



Merujuk kepada rajah satu, dapat diteliti mengenai analisis yang dibuat dalam penulisan ini merujuk kepada paparan realiti sosial dalam kalangan masyarakat berdasarkan *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013) dengan memperlihatkan permasalahan sosial dan juga paparan realiti sosial yang terkandung dalam teks yang dikaji.

Analisis tekstual dijalankan bagi mendapatkan data. Analisis tekstual merupakan kaedah analisis bersandarkan penelitian teks yang merumuskan segala pemahaman serta informasi yang jelas disampaikan oleh penulis dari keseluruhan penulisan. Menurut Wahyu Cristy Sulung Saputri dan Agus Hariadi (2020) analisis teks merujuk kepada kaedah menganalisis keseluruhan teks dalam merungkai sesebuah elemen yang ingin dikenalpasti bersandarkan kepada pemerhatian menyeluruh kepada intipati penyampaian penulis. Dengan itu, kaedah meneliti teks ini amat penting dalam mengkaji segala informasi serta pemahaman meluas yang dapat dicungkil dari keseluruhan penulisan. Analisis tekstual yang diambil dalam penulisan ini melihat kepada elemen Teori Sosiologi Sastera (1863) oleh Hippolyte Taine, iaitu *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa) berdasarkan puisi yang ditulis oleh Hanifah Hj Ibrahim; 'Di Mana Fitrah Kemanusiaan' dan 'Wadah 50 Tahun Merdeka' serta ditulis oleh Saudah Mat Lazim yang berjudul 'Kampungku' dan 'Mengenang Sejarah Silam'. Selain itu, penelitian analisis bersandarkan teks juga dibuat mencakupi rungkai permasalahan sosial dan huraian paparan realiti sosial yang dilakukan dalam kehidupan masyarakat yang diwartakan oleh pemuisi terdapat dalam puisi-puisi terpilih dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013). Antaranya tema yang dibawa oleh Hanifah Hj Ibrahim ialah pergaulan bebas antara remaja dan pembuangan bayi, masalah rasuah yang berleluasa manakala Saudah Mat

Lazim membawa tema skim cepat kaya, masalah pencemaran alam sekitar dan penyalahgunaan dadah.

Di samping itu, teori yang digunakan dalam penulisan ini adalah dengan bersandarkan teori sosiologi sastera yang dikemukakan oleh Hippolyte Taine dalam buku yang ditulisnya berjudul *History of English Literature* (1863). Dalam buku yang ditulis oleh Escarpit (2005) menyatakan bahawa Taine telah merumuskan tiga faktor yang dapat dikaitkan dengan sebuah karya, iaitu *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa atau momentum tradisi budaya dahulu dan sekarang). *Race* (bangsa) menekankan mengenai kaum atau sekelompok manusia yang berkongsi kehidupan yang sama namun dengan batasan kategori yang berbeza sama ada melalui penampilan fizikal, normalisasi kehidupan dan realiti sosial yang tidak seiring. Manakala, definisi *milieu* (persekitaran) membawa kepada suasana sekeliling yang berlaku dalam sebuah penceritaan bergantung kepada konteks pemahaman yang dikaji. Secara jelas, dalam penulisan ini memperlihatkan persekitaran kehidupan masyarakat yang diteliti melalui penceritaan pemuisi bersandarkan teks. *Moment* (masa) pula membawa maksud tempoh atau jangka masa yang melibatkan peredaran waktu (Suraidah Ambok Mangkek & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2018).

Selain itu, Taine juga berpendapat bahawa sastera merupakan gambaran peredaran waktu dan kewujudan pemahaman yang pelbagai dan bukan sahaja meliputi imaginasi yang datang secara sendiri (Asmiaty Amat, 2011). Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2005) mengemukakan bahawa konsep teori sosiologi sastera ini merungkai gambaran kehidupan masyarakat dengan melihatkan perbincangan bicara dari teks yang dikaji sama ada masyarakat kontemporari mahupun silam yang dapat dicungkil melalui watak, peristiwa dan jalan cerita sesuatu teks. Dengan kata lain, teori ini mendedahkan perungkai kehidupan masyarakat dengan olahan aspek ekonomi, sosial, politik dan juga budaya serta segala aspek lain yang berlegar dalam kehidupan tamadun masyarakat bersandarkan kepada kajian sastera yang ingin dikaji. Oleh hal yang demikian, penulisan ini merungkai permasalahan masyarakat berpandukan teks melalui pendekatan teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine (Halil Azhan Mohd. Hanafiah, 2019).

## PERBINCANGAN ANALISIS TEKSTUAL

Teks pertama dan kedua diambil daripada pemuisi Hanifah Hj Ibrahim. Beliau berasal dari Teluk Intan, Perak dan telah lahir pada 24 September 1949 yang merupakan seorang penulis dan telah menerbitkan pelbagai karya yang akhirnya diterbitkan dalam Mingguan Malaysia dan Utusan Malaysia (Zabidin Ismail, 2011) Penulis berumur lingkungan 70 tahun ini telah menghasilkan karya yang bermutu dan antara dua karya yang diangkat dan dianalisis menerusi puisi berjudul ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dan ‘Wadah 50 Tahun’. ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ memaparkan era modenisasi kini, biarpun negara Malaysia sudah mencapai kemerdekaan dan pembangunan yang membangun dari segi modenisasi infrastruktur, pembinaan jati diri bangsa, serta keharmonian kaum yang berwarna namun masih ada kelompongan yang terjadi dalam menempuh arus pembangunan. Kelompongan yang dinyatakan dalam puisi adalah perlakuan manusia yang tidak berlandaskan akal dan hanya mengikut emosi seperti masalah pembuangan bayi, perbuatan zina dan maksiat berleluasa dan alam sekitar yang semakin memburuk akibat dari tangan manusia. Karya beliau berjudul ‘Wadah 50 Tahun’ juga mencungkil tema yang sama, selepas mencapai kemakmuran kemerdekaan hasil daripada penat lelah dan usaha bersama. Dengan keamanan yang dicapai, pelbagai julangan anugerah dengan bangunan yang megah berdiri, kemajuan yang terbina pada hari ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara menuju kemajuan dalam perpaduan namun dalam keindahan yang ditonjolkan, penulis juga menggariskan kekurangan yang berada dalam ruang modenisasi. Dalam mengharungi tangga

kemerdekaan, masyarakat masih dibelenggu masalah kemunduran dalam mencipta mentaliti berwawasan, iaitu berlakunya penindasan sesama manusia, manusia yang larut dengan dadah, kehiburan melampau, dan remaja yang terlibat dengan masalah dunia. Secara jelasnya, kedua puisi dari Hanifah Hj Ibrahim ini memberi penjelasan mengenai realiti yang dapat dilihat dari pandangan beliau dan mengupas isu yang dapat dilihat dalam masyarakat.

Manakala, teks ketiga dan keempat diambil daripada pemuisi Saudah Mat Lazim. Penulis yang berasal dari Taiping perak ini merupakan seorang penulis dengan karya yang bermutu dan telah menghasilkan dua buah karya, iaitu ‘Kampungku’ dan ‘Mengenang Sejarah Silam’ yang menjadi perbincangan dalam mengkaji permasalahan sosial dalam kalangan remaja. ‘Kampungku’ mengisahkan mengenai peredaran waktu yang menjangkau arus yang menyebabkan sebuah desa yang telah berubah dengan pemodenan membangun. Seiring dengan itu, gambaran perbuatan manusia yang memusnahkan alam sekitar, adab dan nilai moral yang semakin hilang dalam diri dan masalah gejala sosial yang melanda dalam kalangan remaja. Seterusnya, ‘Mengenang Sejarah Silam’ pula memaparkan kehidupan masyarakat yang dahulunya hidup sengsara akibat dari penjajahan barat yang menyebabkan penduduk negara ketika itu terpaksa menderita tanpa pemakanan yang cukup, kehidupan yang daif berserta tekanan mental dan fizikal oleh penjajah. Karya ini mengangkat kisah derita penduduk di negara ini di suatu masa dahulu dan berharap bahawa anak muda mensyukuri dan menghargai segala apa yang telah terjadi serta memperbaiki diri dan negara ke arah kemajuan seiring tanpa berpaksikan kepada kemewahan.

#### **PERGAULAN BEBAS DAN PEMBUANGAN BAYI MERATA**

Pergaulan bebas merupakan suatu perlakuan yang hadir dalam kehidupan masyarakat melibatkan individu berlainan jantina melakukan aktiviti melampau serta tindak tanduk yang dilarang dan melanggar aturan perundangan di negara ini. Umum mengetahui pergaulan bebas merupakan masalah yang selalu kita lihat secara jelas berlaku dalam ruang lingkup dunia pada hari ini, sama ada yang diwartakan dalam penulisan akhbar harian, di kaca televisyen mahupun berita yang beredar di sosial media atau dari mulut ke mulut antara warga desa dan bandar kota. Dalam pada itu, pembuangan bayi juga merupakan antara masalah lain yang wujud dalam masyarakat.

Dari keempat puisi yang dipilih, terdapat dua buah puisi yang memaparkan perlakuan pergaulan bebas dan pembuangan bayi dalam keseluruhan penceritaan yang ditulis oleh pemuisi. ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ mewartakan kehidupan masyarakat selepas mencapai kemerdekaan:

Pada kedewasaan usia kemerdekaan ini,  
Masih ada pemikiran dibelenggu kejumudan.  
Sengaja, keterlanjuran dan merelakan nafsu  
merempuhi pagar maruah terlarang,  
Begini mudah tanpa rasa bersalah membuang bayi  
ke dalam tong sampah,  
Dibungkus dalam plastik, dibaluti sehelai kain  
lusuh dan kertas akhbar tanpa neraca rasa,  
Bayi tak berdosa dihantar ke pinggir lorong  
sempit, di pintu pagar masjid  
Ditanam ditimbus tanpa nisan berwarna  
Sewenangnya dihumban ke lombong atau dihanyutkan  
ke sungai

(‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’, Hanifah Hj Ibrahim, *Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Masalah melibatkan pergaulan bebas dan pembuangan bayi ini menjadi perbincangan di ruang puisi yang ditulis oleh Hanifah Hj Ibrahim. Dari keseluruhan rangkap baris kedua, jelas pemuisi menyebut masyarakat masih dijajah dengan fikiran barat, diliputi dengan kejumudan, iaitu pemikiran berasaskan nafsu dan akhirnya melakukan perkara yang tidak bermoral pada mata masyarakat. Dalam pada itu, penulis juga menggariskan hasil daripada perlakuan yang memalukan maruah individu akhirnya lahir seorang insan yang tidak berdosa akibat daripada kesalahan orang dewasa yang tidak menggunakan akal sebaiknya. Pada rangkap yang sama di atas, pemuisi menggambarkan kehidupan masyarakat yang tiada hati nurani dengan mudahnya meletakkan bayi ke masjid dibuang dalam tong sampah, diletakkan di pinggiran lorong sempit, malahan ada juga yang sampai membunuh anak yang tidak berdosa itu dengan pelbagai cara. Antara yang dinyatakan dalam puisi adalah dihanyut ke sungai, dikambus bayi ke dalam tanah dan dilemparkan ke lombong. Dari keseluruhan puisi, dapat dilihat pemuisi membawa kepada realiti kehidupan masyarakat selepas kemerdekaan, berlaku ketidakseimbangan pemikiran akibat dari kerendahan akhlak.

Masyarakat yang digambarkan dalam perenggan tersebut adalah merujuk kepada golongan muda, terutamanya remaja. Hal ini dapat dilihat lagi dalam kenyataan pemuisi yang menggambarkan masyarakat yang tanpa hati perut membuang bayi yang tidak berdosa ke serata tempat bahkan ada yang sanggup membunuhnya. Dari kenyataan tersebut, tidak nafikan ini adalah realiti kehidupan masyarakat remaja di negara ini yang ingin menutup segala aib yang telah dilakukan dengan melakukan pelbagai cara dalam menafikan perbuatan buruk yang dilakukan mereka. Golongan remaja cenderung untuk terlibat dalam perkara sebegini disebabkan beberapa faktor sehingga terjebak ke kancang pergaulan bebas. Golongan yang tadinya juga bakal melewati batas pergaulan dan akhirnya menanggung akibat dari tindakan mereka. Peribahasa lama yang tepat dalam menerangkan situasi adalah ibarat lempar batu sembunyi tangan yang mencetuskan pelbagai masalah dan mudarat kepada masyarakat dan golongan mendatang.

Seterusnya, kesan daripada perlakuan ini, lahirnya anak yang tidak berdosa menjadi mangsa keadaan akan tindakan sesetengah individu yang tidak berfikir panjang dan terjadinya pelbagai kes yang melibatkan kes pembuangan bayi. Hal ini dapat dibuktikan melalui Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari *et al.* (2019) yang mengungkap remaja yang berkelakuan bebas ini akan hilang sifat belas kasihan sehingga sanggup melakukan perkara di luar akal dengan membuang anak luar nikah di tempat pembuangan sampah, tandas awam, di tepian longkang dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, terbukti melalui ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ bahawa pemuisi mewartakan kepelbagaian realiti sosial, antaranya adalah pergaulan bebas dan pembuangan bayi merata:

Gejala sosial mula melanda,  
Kecurian menjadi angkara budaya lepak,  
Kampungku yang murni dan damai,  
Sewaktu dahulu dan kini,  
Bertukar wajah bersama tingkah,  
Yang mendukakan.

(‘Kampungku’, Saudah Mat Lazim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Seterusnya, masalah sosial masyarakat yang melibatkan pergaulan bebas juga menjadi perbincangan di ruang puisi yang dapat dicungkil secara terang melalui sajak yang berjudul ‘Kampungku’ oleh Saudah Mat Lazim.

Paparan puisi di atas adalah bagi menunjukkan kehidupan bermasyarakat dalam mengemukakan permasalahan sosial ini berlaku dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja melalui luahan penulisan. Secara jelasnya dalam rangkap puisi di atas, melihat kepada baris pertama pemuisi menyebut mengenai anak remaja yang terlibat dengan aktiviti gejala sosial yang dikatakan bertebaran dalam kehidupan masyarakat. Pergaulan bebas juga berada di bawah perlakuan gejala sosial yang boleh dikatakan merujuk kepada kategori yang sama seperti yang diterangkan perenggan di atas. Pada petikan di atas, dapat dilihat pemuisi juga menekankan perkataan anak muda yang dapat kita kenalpasti dalam golongan remaja. Selain itu juga, pemuisi memaparkan realiti sosial lain yang terjadi dalam kalangan masyarakat melibatkan remaja dalam teks puisi dalam rangkap terakhir petikan yang menggariskan perihal lepak atau dalam kata lain membazirkan masa tanpa melakukan perkara berfaedah. Hasil daripada perbuatan sia-sia ini juga bakal lahir intipati yang membawa kepada permasalahan melibatkan perlakuan yang tidak elok dalam kalangan mereka seperti kes curi dan sebagainya.

Menurut penelitian kajian, faktor yang membawa kepada permasalahan gejala sosial dan aktiviti lepak ini adalah bersandarkan kepada limitasi pemantauan ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan utama dalam pembentukan sahsiah para anak dalam mendidik mereka ke arah insan cemerlang luaran dan dalaman. Hal ini turut disokong oleh pernyataan Fatimah Ali (2007) yang merungkai punca utama gejala sosial adalah melalui sikap ibu bapa yang mengabaikan para anak dari sudut pandang kasih sayang dan kurangnya komunikasi antara ibu bapa dan remaja. Hal ini dapat menyebabkan hubungan kekeluargaan akan menjadi renggang dan remaja lebih terpengaruh kepada perlakuan yang tidak elok ini akibat daripada kurangnya pemantauan dari pihak yang utama. Ibu bapa perlu cakna akan aktiviti dan pergaulan para anak agar dapat mengelakkan remaja terpengaruh dengan kawan ke jalan salah hingga menjadi terjebak dalam perilaku negatif (Aizan Ali & Murni Buchik, 2017). Justeru daripada keseluruhan huraian, sudah jelas bahawa salah satu realiti sosial yang dapat ditemui dari keseluruhan puisi adalah gejala sosial yang berleluasa.

Menerusi penceritaan puisi yang dipaparkan, teori sosiologi sastera yang dipelopori oleh Hippolyte Taine (1863) boleh disandarkan kepada analisis yang dihuraikan melalui tiga elemen utama namun pada bahagian ini hanya menyentuh mengenai *milieu* (persekitaran) dan juga *moment* (masa). Hal ini dapat dilihat melalui analisis pernyataan pemuisi yang merujuk kepada realiti sosial masyarakat seperti perubahan masa yang membawa generasi muda kepada kejatuhan akhlak, iaitu pergaulan bebas dan pembuangan bayi melalui teks puisi, iaitu ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dan ‘Kampungku’. Secara jelasnya, realiti sosial melibatkan pergaulan bebas ini membuka ruangan perbahasan kepada konteks *milieu* (persekitaran) itu sendiri yang melibatkan suasana nyata dalam masyarakat.

Menerusi puisi ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dapat dilihat bahawa pemuisi menggariskan perlakuan masyarakat yang dijajah pemikiran mereka seakan tidak berubah seiring peredaran zaman bertukar. Pernyataan ‘pada kedewasaan usia kemerdekaan ini, masih ada pemikiran dibelenggu ‘kejumudan’ membuktikan wujudnya unsur teori sosiologi sastera yang menyebut mengenai *milieu* (persekitaran) dan juga *moment* (masa) itu sendiri. Tambahan pula, ‘Kampungku’ juga mewartakan unsur yang sama melalui petikan puisi tersebut dengan menekankan perihal masyarakat yang berada di ambang gejala sosial serta menggariskan juga

peredaran waktu yang sudah bertukar dari aman sentosa menjadi huru-hara angkara perlakuan manusia. Selaras dengan itu, dapat dilihat bahawa teori sosiologi sastera ini bersesuaian dengan analisis yang dibuat dengan mewartakan elemen utama yang secara jelasnya tepat dalam menganalisis realiti sosial masyarakat dalam teks yang dikaji.

#### **MASALAH RASUAH YANG BERLELUASA SERTA TERJEBAK DALAM SKIM CEPAT KAYA**

Rasuanah atau lebih dikenali sebagai perbuatan melibatkan perolehan sesuatu melalui bentuk hadiah, duit atau benda berharga dari sebuah pihak kepada pihak yang lain berunsurkan motif tidak tepat atau menggunakan jalan yang tidak baik dalam melakukan sesbuah kerja. Manakala skim cepat kaya juga menjadi isu hangat atau buah mulut masyarakat pada dunia modenisasi ini. Skim cepat kaya membawa maksud kepada rancangan dalam memberi keuntungan yang banyak dalam masa yang singkat. Seterusnya, realiti sosial lain yang dapat dilihat adalah merangkumi masalah rasuanah dan juga skim cepat kaya yang dinyatakan dalam beberapa puisi daripada keseluruhan empat puisi.

Dalam puisi yang ditulis oleh Hanifah Hj Ibrahim berjudul ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ ini, realiti sosial yang terjadi dalam kehidupan masyarakat yang dapat dilihat adalah masalah skim cepat kaya yang berleluasa. Ini dapat dilihat dalam kenyataan petikan baris kelima di atas yang menyebut mengenai normalisasi masyarakat yang hidup berpaksikan pencarian harta yang mudah tanpa usaha yang banyak dan akhirnya terjebak dalam penipuan manusia yang lain. Pemuisi menggariskan sikap manusia yang malas dalam berusaha dan tanpa berfikir mereka akhirnya mulai senang terpedaya dalam pelbagai kes melibatkan penipuan dan penyelewengan wang dari pihak yang tidak bertanggungjawab:

Tetapi mengapa?  
Wadah 50 tahun merdeka tidak memenuhi carta  
Kita masih ada yang ketinggalan  
Kita suka mencari jalan pintas menjadi malas  
Kita teruja bersama skim cepat kaya mengundang bahaya

(‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, Hanifah Hj Ibrahim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Dari sudut pandang kajian, bait ayat di atas merujuk kepada realiti sosial yang terjadi dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda, iaitu remaja oleh kerana mereka merupakan kelompok yang senang untuk ditipu oleh sesetengah pihak. Dunia pada hari ini menawarkan kehidupan yang mudah, dilengkapi dengan kecanggihan teknologi merata sehingga para masyarakat hidup tanpa usaha yang banyak dalam memperolehi sesuatu dan akhirnya sebahagian masyarakat mudah terjebak kerana penipuan yang berlaku di atas talian dan ditipu oleh banyak pihak dengan janji palsu yang dinyatakan. Hal ini dapat dirujuk dalam penulisan Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010) yang menyatakan bahawa skim cepat kaya ini merupakan salah satu jenayah siber yang berlaku dalam golongan remaja dan antara yang lainnya adalah ancaman atau fitnah melalui email, judi siber, penipuan, pengintipan, pencurian maklumat, penggodaman secara haram, penyalinan perisian dan capaian yang tidak sah, gangguan seks, pornografi, penyebaran virus, gangguan berulang, kecurian dan pengubahsuaian ke atas data komputer atau program dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, masyarakat yang hidup di zaman modenisasi ini cenderung menggunakan jalan pintas dalam memudahkan kehidupan mereka. Tambahan lagi, menurut Azlina Abdullah (2010) biarpun

masyarakat sudah umum mengetahui dalam skim ini mengandungi kekaburan dan unsur penipuan yang jelas namun masyarakat masih mengambil risiko atas faktor kurangnya pengetahuan meluas mengenai dan dikaburi perasaan ingin kaya dengan cepat. Justeru, dapat dilihat secara jelas bahawa dalam puisi ini mengutarakan masalah skim cepat kaya sebagai salah satu realiti sosial yang terjadi dalam masyarakat:

Kita yang sudah senang dan gah  
Suka membeli dan menambah masalah  
Kita tercicir, terpinggir dan tersingkir  
Kita dilabel kerana suka pakai kabel  
Memandang mudah menyogok dan menerima rasuah  
Kita menjadi lemah  
Sudah terhantuk tak mahu menengadah Itukah kita?

(‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, Hanifah Hj Ibrahim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Dalam pada itu, dalam puisi ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ ini juga menyelitkan realiti sosial yang memaparkan kehidupan masyarakat yang mengaut keuntungan dengan cara rasuah. Dalam rangkap puisi yang terpampang di atas, sudah terang lagi bersuluh bahawa pemuisi memaparkan kehidupan masyarakat yang mudah memberi dan menerima rasuah dalam mencari jalan kesenangan singkat. Pemuisi juga melontarkan kebimbangan terhadap normalisasi masyarakat yang terbabit dan menganggap masalah rasuah ini sebagai suatu perkara yang biasa. Seterusnya, dapat dilihat lagi bahawa permasalahan ini sudah menjadi adat resam dalam masyarakat sehingga menjadi perbualan di ruangan puisi yang diketengahkan oleh penulis yang menggariskan kehidupan masyarakat dunia ini sebagai kelompok yang lemah dalam menepis perlakuan yang tidak seharusnya ada dalam kehidupan masyarakat.

Dari pemerhatian kajian, rasuah menjadi kegiatan lazim dalam kelompok melihatkan kepada ketidakcaknaan penduduk mengenai masalah ini. Dalam puisi juga menyatakan bahawa individu semakin lemah dengan pelbagai hasutan dengan melakukan perkara yang tidak berlandaskan perundangan negara atas sikap manusia yang suka mengambil jalan mudah. Menurut Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad (2016) di ruangan akhbar dapat dilihat bahawa terdapat banyak kes melibatkan pekerja sektor awam mahupun swasta mengambil dan menggunakan rasuah dalam menjadi loncatan untuk mendapatkan sesuatu. Malahan, ini menunjukkan bahawa negara ini belum melahirkan masyarakat yang sepenuhnya mencapai integriti yang tinggi kerana masalah ini yang menjadi masalah utama. Hujahan ini dapat disokong dalam kenyataan penulisan yang mewartakan individu tidak berintegriti mempunyai keupayaan daya fizikal yang tinggi namun mindanya yang lemah disebabkan oleh ketidakmampuan mereka dalam menolak rasuah dan tertipu dengan pihak lain yang mengambil kesempatan atas kekurangan yang ada. Antara sikap individu yang tidak berintegriti adalah tidak adil, tidak bertanggungjawab, tidak amanah, tidak mementingkan nilai murni dalam kehidupan (Azman Ab Rahman *et al.*, 2022). Dengan itu, dalam melahirkan negara yang maju tanpa masalah rasuah dan penyelewengan, masyarakat perlu mempunyai sikap berintegriti tinggi dalam diri. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa dalam puisi ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ ini mengambarkan rasuah sebagai salah satu realiti sosial yang dapat dilihat dalam keseluruhan puisi.

Melalui penelitian, dapat disimpulkan bahawa teori sosiologi sastera boleh disandarkan kepada bahagian ini dengan mengambil ketiga elemen utama melibatkan *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa). Dalam keseluruhan puisi, dapat dilihat bahawa kedua

pemuisi menyatakan elemen *moment* (masa) dengan menyebut mengenai pertukaran zaman dari zaman penjajahan hingga era pemodenan. Selain itu, terdapat pernyataan *milieu* (persekitaran) melalui aktiviti masyarakat, iaitu melalui perbincangan skim cepat kaya yang dihuraikan secara jelas di bahagian ini. Manakala untuk *race* (bangsa) pula, merupakan penglibatan sebuah kaum dan antara kaum yang disebut adalah mengenai kaum melayu yang memperlihatkan pembangunan diri dan modenisasi dalam teks pemuisi. Hal ini dapat disokong dengan sandaran teks di bawah yang memusatkan elemen bangsa dalam puisi yang dikaji. Secara jelas, teori sosiologi sastera Hippolyte Taine (1863) ini dapat dijadikan rujukan melalui elemen yang dinyatakan dan menjadi sokongan hujahan kepada analisis yang dilakukan.

Terturnya persuratan Melayu  
Lembutnya bicara bahasa Melayu  
Bernilainya kesusateraan Melayu  
Kreatifnya minda Melayu  
Handalnya pahlawan Melayu  
Hebatnya drama dan filem Melayu  
Hollywood tetap nombor satu  
Halusnya seni puisi Melayu  
Tetapi sampai ke mana?

(‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, Hanifah Hj Ibrahim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Tetapi kental jiwa warga sebelum merdeka  
Mengharungi hidup dengan tabah dan sabar  
Mendirikan semangat perjuangan  
Tanpa wang ringgit dan emas

(‘Mengenang Sejarah Silam’, Saudah Mat Lazim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Manakala dalam puisi yang ditulis oleh Saudah Mat Lazim, berjudul ‘Mengenang Sejarah Silam’ juga memaparkan realiti sosial yang berunsurkan kehidupan menolak kehidupan berpaksikan harta dan kekayaan serta hidup aman damai tanpa sebarang perlakuan tidak baik dari masyarakat. Dalam pada itu, pemuisi hadir dengan nasihat bermakna dalam naskahnya untuk mengelakkan individu bergelap mata dengan sejumlah wang yang menjanjikan syurga dunia yang palsu.

Menerusi petikan rangkap puisi di atas, dapat dilihat bahawa pemuisi mengharapkan masyarakat dapat hidup dengan lebih tabah dalam mengharungi pelbagai cabaran mendatang tanpa mengambil kira keuntungan dunia. Dari pemahaman pengkaji, dapat dilihat bahawa pemuisi cuba menyelitkan makna tersirat yang boleh kita rujuk dalam baris terakhir yang menyebut mengenai ‘tanpa wang ringgit dan emas’. Pengkaji mendapati bahawa pemuisi cuba mengetengahkan isi atau nilai yang tidak bersandarkan duit, iaitu dapat dikaitkan juga dengan masalah rasuah yang berleluasa. Hal ini kerana, ayat yang ditulis secara jelasnya seperti memberi makna masyarakat hidup pada dunia hari ini lebih mementingkan harta dari segalanya. Dengan emas dan harta ini, masyarakat mulai hilang pedoman diri dan akhirnya terbit segala permasalahan yang melibatkan duit, iaitu masalah rasuah dan juga skim penyelewengan yang turut menjadi perbincangan di zaman modenisasi ini.

Oleh hal yang demikian, tiada jalan pintas dalam membendung masalah sosial dan jenayah ini dari berleluasa dalam kalangan remaja dan masyarakat melainkan dari kerjasama oleh ahli keluarga, pihak sekolah, masyarakat, pihak berkuasa serta badan kerajaan atau bukan kerajaan (Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil, 2010). Justeru semua pihak perlu berganding bahu dalam memastikan bahawa negara ini bersih dari kegiatan yang tidak baik dalam kalangan masyarakat. Jelaslah bahawa, ‘Mengenang Sejarah Silam’ merupakan salah sebuah puisi yang menonjolkan realiti sosial yang memaparkan nilai hidup dalam kesejahteraan dalam menolak harta dan kekayaan melampau melalui cara yang salah di sisi perundungan negara.

#### MASALAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Di mana fitrah ihsan kemanusiaan  
Seolah telah terhapus noda-noda semalam  
Membersih tangan menutup perbuatan  
Ibunda berduka tidak bermaya  
awan biru menjadi kelabu,  
Flora dan fauna tidak ceria menatap hiba  
Bumi terkedu pilu langit merintih menangis  
Titik gerimis menitis pedih menyaksikan hilang ihsan

(‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’, Hanifah Hj Ibrahim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Dalam puisi ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ ini memaparkan realiti sosial yang dapat dilihat dalam rangkap di atas pada baris kelima yang merangkumkan permasalahan alam sekitar yang membimbangkan. Hal ini secara jelasnya dapat dianalisis menerusi penelitian teks yang menyebut mengenai kemusnahan flora dan fauna angkara manusia yang tidak bertanggungjawab. Isu permasalahan alam sekitar ini sememangnya lazim dalam kehidupan masyarakat yang berpunca daripada tangan manusia itu sendiri dalam mencipta kemashlahatan dalam perpaduan modenisasi. Masalah pencemaran alam sekitar yang dibicarakan oleh pemuisi tidak meliputi kerosakan flora dan fauna sahaja malah meliputi pencemaran asap yang secara jelasnya dapat dilihat pada ayat ‘ibunda berduka tidak bermaya awan biru menjadi kelabu’.

Pada penghematan kajian, pemuisi mentakrifkan pernyataan ayat awan biru menjadi kelabu merujuk kepada udara yang tercemar disebabkan oleh beberapa faktor berpunca dari masyarakat. Antaranya adalah melalui sektor perindustrian, asap yang disebabkan oleh pembakaran terbuka, ezos kenderaan dan sebagainya. Pemuisi menyuarakan kesedihan ke atas pemusnahan nilai tanggungjawab manusia yang menipis seakan tidak cakna akan kesihatan alam sekitar. Hal ini disokong melalui hujahan Mohamad Bokhari *et al.* (2014) menyatakan isu alam sekitar yang berlegar dalam ruang kehidupan adalah kemusnahan kawasan hutan rimba, kualiti udara dan air yang tercemar serta pembuangan sisa bahaya dan buangan isi rumah yang tidak diselenggara dengan baik.

Ini disebabkan oleh sikap manusia yang melepaskan karbon dioksida secara berlebihan melalui aktiviti pembangunan, pembakaran, penebangan hutan dan perindustrian. Tambahan, menurutnya lagi, memetik laporan saintis, hal ini berpunca daripada kenaikan paras konsentrasi karbon dioksida dalam atmosfera yang juga melibatkan tangan manusia sejak berkurun lamanya. Antara kejadian alam yang menimpa negara ini adalah melalui fenomena pemanasan global, kesan rumah hijau dan perubahan iklim. Secara jelasnya, puisi ini mewartakan masalah

pencemaran alam sekitar sebagai salah satu realiti sosial yang boleh dilihat dengan terang melalui petikan puisi dan dihuraikan secara teliti.

Begitu juga air sungai yang deras  
Mengalir seketika dulu  
Kini penuh dengan sampah sarap  
Akibat dari insan yang tak bertanggungjawab

(‘Kampungku’, Saudah Mat Lazim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Seterusnya meneroka kepada puisi selanjutnya, iaitu ‘Kampungku’ yang menampilkan juga realiti masyarakat yang tidak cakna akan persekitaran melibatkan alam sekitar. Dalam teks tertera di atas, pemuisi memperincikan kebersihan sungai yang dahulu terjaga indah sekarang mengungkapkan pencemaran alam sekitar membabitkan pencemaran sungai yang dipenuhi dengan sampah sarap disebabkan tingkah laku seseorang individu yang tidak mementingkan nilai moral yang tinggi.

Dari sudut pandangan kajian, dapat dilihat bahawa masyarakat saling tidak bersatu padu dalam memastikan khazanah alam ini sentiasa terjaga dari bencana dan tangan manusia yang tidak bertanggungjawab. Menurut Norshahida Akma Alias dan Aziz Amin (2019), isu pencemaran sungai merupakan suatu isu yang sudah lama bertapak dalam kehidupan masyarakat sejak dari berabad lamanya. Tambahnya lagi, masalah pencemaran air ini adalah disebabkan oleh pembuangan sisa tidak sepatutnya melalui aktiviti perternakan, aktiviti pertanian, aktiviti pembuatan, aktiviti perindustrian dan pembuangan sisa najis haiwan ke sungai. Justeru, masyarakat seharusnya cakna dan menjadi insan bertanggungjawab kepada alam sekitar yang melibatkan banyak skop penjagaan seperti pemuliharaan flora dan fauna, penjagaan sungai dan mengikut segala akta perundangan contohnya tidak membakar sampah di kawasan terbuka.

Hujahan ini dapat disokong melalui pernyataan Haliza Abdul Rahman (2009) yang mengutarakan akta perundangan membabitkan hak mutlak masyarakat dalam merancangan pembangunan kawasan setempat yang dapat dilihat dalam Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penglibatan semua pihak dalam memulihara khazanah alam membabitkan kepekaan penduduk kepada isu alam sekitar amatlah penting dalam menjadi asas kejayaan negara yang maju melalui pencapaian suatu matlamat. Oleh itu, salah satu realiti sosial yang boleh diteliti secara jelas melalui puisi ‘Kampungku’ adalah masalah pencemaran alam sekitar yang melibatkan pencemaran air dan dihuraikan secara teliti.

Melalui kedua puisi, dapat diteliti bahawa antara elemen utama yang wujud dalam teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine (1863) adalah melalui *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa). Melalui hujahan secara mendalam di atas dapat dilihat bahawa, realiti sosial dalam kehidupan masyarakat menerusi perspektif pemuisi, iaitu pencemaran alam sekitar merujuk kepada elemen *milieu* (persekitaran) yang mendedahkan suasana nyata dalam masyarakat. Seterusnya, elemen *moment* (masa) pula dapat dilihat menerusi hujahan jelas mengenai masalah alam sekitar yang hidup berabad lamanya dan masih menjadi satu isu yang diperbincangkan sehingga hari ini. Justeru, dengan jelas teori sosiologi sastera ini dapat dijadikan sandaran melalui elemen yang dinyatakan dan berkaitan dengan hujahan kepada analisis yang dilakukan.

### PENYALAHGUNAAN DADAH

Kita terleka dadah menjajah  
Kita melayani fantasi dan mengambil estacy  
Kita selalu buntu lalu mengambil syabu-syabu  
Kita selesa berhibur berfoya-foya

(‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, Hanifah Hj Ibrahim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Dadah merupakan perkara yang tidak asing lagi dalam dunia hari ini. Biarpun pelbagai cara sudah dilakukan bagi membanteras jenayah ini supaya tidak berpanjangan, namun masih ada sisa perlakuan yang masih menapak dalam kehidupan masyarakat. Menerusi puisi yang berjudul ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, terdapat juga realiti sosial masyarakat yang menonjolkan pengambilan dadah yang hidup secara berleluasa dalam kehidupan masyarakat. Ini dapat dilihat melalui pernyataan yang boleh dilihat dalam rangkap puisi tertera di atas yang secara jelasnya menyebut mengenai masyarakat yang terlibat dengan aktiviti dadah dan antara dadah yang dinyatakan adalah estacy serta syabu.

Dari penerokaan kajian, pemuisi dalam keseluruhan puisi juga banyak mewartakan kehidupan masyarakat terutamanya golongan muda. Remaja cenderung untuk lebih mencuba perkara berbahaya seperti dadah dan mudah terjebak disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor yang begitu jelas dapat dilihat adalah melalui pengaruh rakan sebaya. Di fasa ini, remaja banyak meneroka pelbagai benda baharu seiring usia yang meningkat dan terlibat dengan aktiviti pergaulan yang menyebabkan mereka akhirnya belajar banyak perkara dari pergaulan tersebut. Bagi menyokong hujahan di atas, rumusan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah (2019) mengenai faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial menunjukkan purata tertingginya bahawa rakan sebaya dan juga diri inividu merupakan punca utama yang menyebabkan masalah sosial semakin berleluasa.

Tambahnya lagi, remaja lebih memilih untuk bertindak secara berkumpulan berbanding bersendirian dalam melakukan pelbagai hal dan mereka ini juga lebih rapat bersama sahabat berbanding keluarga maka wajar jika mereka mudah terikut segala perilaku yang dihadapi bersama rakan (Hafizah Iszahanid, 2023). Di samping itu, menurut Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari *et al.* (2019) perkembangan sosial remaja sama ada menuju ke arah kebaikan atau sebaliknya itu tergantung kepada kebijaksanaan dalam memilih rakan sebaya disebabkan oleh pada peringkat ini, remaja lebih rapat bersama rakan dan cenderung untuk mengikuti apa yang dilakukan oleh kawan mereka. Oleh hal yang demikian, terbukti secara jelasnya dapat diteliti bahawa penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja merupakan salah satu realiti sosial yang ditonjolkan dan ditemui dalam puisi ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’ ini.

Manakala dalam puisi ‘Kampungku’ juga turut menyentuh mengenai realiti sosial bersandarkan kepada masalah dadah dalam kalangan masyarakat. Hal ini dapat diteliti melalui petikan rangkap puisi di bawah yang secara jelasnya menyingkap kehidupan masyarakat yang larut dalam dadah. Pemuisi dalam karyanya membuka ruangan hidup golongan muda yang sesat dalam mencari dunia sebenar akibat daripada pengaruh dadah yang berleluasa. Dalam rangkap yang sama juga, melalui dadah juga tingkah individu juga bakal hilang sifatnya hingga lahirnya manusia yang terlibat dengan kes kecurian, budaya lepak serta pelbagai kes yang tidak dapat dibendung jika masalah ini tidak dibendung. Masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja ini mampu dikaitkan dengan elemen *milieu* dan zaman yang memaparkan ruang lingkup realiti kehidupan masyarakat dan permasalahan yang masih lagi tidak berubah sedari dulu biarpun zaman sudah bertukar wajah:

Anak remaja terjebak dadah  
Gejala sosial mula melanda  
Kecurian menjadi angkara budaya lepak  
Kampungku yang murni dan damai  
Sewaktu dahulu dan kini  
Bertukar wajah bersama tingkah  
Yang mendukakan

(‘Kampungku’, Saudah Mat Lazim,  
*Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*, 2013)

Dari sudut penglihatan kajian, realiti sosial yang ditunjukkan melalui bait puisi ini sememangnya tidak asing lagi dalam dunia pada masa kini. Dadah merupakan jenayah lazim dalam dunia masyarakat dan tidak lari juga menjadi aktiviti sebahagian dari golongan remaja. Hal ini dapat dibuktikan melalui hujahan dari Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil (2010) yang menyatakan aktiviti seks bebas, pelaburan haram, penyeludupan, penipuan, mencabul kehormatan, pelacuran, penyalahgunaan dadah, pornografi, peras ugut, rogol dan sebagainya merupakan antara masalah sosial serta perlakuan jenayah yang melibatkan golongan remaja. Melalui pernyataan di atas, sudah terbukti bahawa masalah dadah ini tidak asing lagi dalam kehidupan masyarakat. Tambahan lagi, menurut Azlina Abdullah (2010) masalah sosial ini sering menjengah dalam ruang legar hidup masyarakat dengan hadirnya jenayah seperti rogol, seks luar nikah, rompakan, pembunuhan, penagihan dadah, pecah rumah, sumbang mahram, ragut, perlumbaan haram, pemujaan syaitan, kejadian amuk, salah laku pelajar serta keganasan rumah tangga dan juga penderaan seksual ke atas ahli keluarga. Justeru bagi menghalang hal ini dari berlanjutan, masyarakat harus saling cakna dan berkerjasama bagi aur dengan tebing agar masalah ini dapat dibendung dari semakin berleluasa dalam kalangan remaja. Secara jelaskannya, puisi ini menampilkan aktiviti penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja sebagai salah satu realiti sosial yang boleh dilihat dan diuraikan secara teliti.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian, penulisan ini meliputi rungkai permasalahan sosial dan huraian paparan realiti sosial yang dilakukan dalam kehidupan masyarakat yang diwartakan oleh pemuisi ini, terdapat empat analisis realiti sosial yang dapat dilihat secara jelas dan diuraikan dengan cara terperinci. Antara paparan realiti sosial yang dapat dilihat adalah bersamaan dengan permasalahan sosial yang terkandung melalui teks puisi, antaranya adalah pergaulan bebas dan pembuangan bayi merata, penyalahgunaan dadah masalah rasuah yang berleluasa serta terjebak dalam skim cepat kaya, dan masalah pencemaran alam sekitar. Menerusi analisis yang dibuat, secara dasarnya teori sosiologi sastera oleh Hippolyte Taine bertepatan dalam merungkai realiti sosial dengan merumuskan tiga faktor yang dapat dikaitkan dengan sebuah karya, iaitu *race* (bangsa), *milieu* (persekitaran) dan *moment* (masa).

Hal ini dapat dilihat melalui elemen *race* (bangsa) yang dapat dikaitkan dalam puisi ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, dalam bahagian permasalahan sosial masalah rasuah yang berleluasa serta terjebak dalam skim cepat kaya yang memberi makna bangsa secara jelas dengan mengambarkan kehidupan kaum Melayu. Di samping itu, pada bahagian analisis pergaulan bebas antara remaja dan pembuangan bayi juga mengandungi elemen *milieu* (persekitaran) yang boleh dikaitkan dengan perilaku penduduk dikatakan hidup dalam melanggar adat budaya dan agama dengan melakukan perkara yang tidak baik dalam kehidupan

masyarakat menerusi puisi ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’. Manakala, elemen *moment* (masa) pula dapat dikaitkan dengan masalah pencemaran alam menerusi puisi ‘Kampungku’ dengan memaparkan perubahan masa yang seiring namun masyarakat masih tidak cakna akan kehidupan alam sekitar yang seharusnya dijaga. Oleh hal yang demikian dapat dilihat analisis yang dibuat berpandukan teks puisi dapat disimpulkan mengikut teori sosiologi sastera.

Menerusi keseluruhan huraian analisis, masyarakat yang digambarkan oleh pemuisi dalam teks karya memberi suatu gambaran mengenai kehidupan masyarakat terutamanya golongan muda yang secara jelasnya mempunyai permasalahan dari aspek tingkah laku dan peribadi diri yang digambarkan negatif oleh kedua pemuisi. Hal ini diteroka melalui keempat buah puisi, iaitu ‘Di Mana Fitrah Kemanusiaan’ dan ‘Wadah 50 Tahun Merdeka’, ‘Kampungku’ dan ‘Mengenang Sejarah Silam’ yang memperlihatkan perlakuan remaja yang dikatakan terlibat dengan kejumudan menerusi keseluruhan puisi yang secara jelas menonjolkan kehidupan anak muda yang masih tidak lagi merdeka dari penjajahan pemikiran kedua pemuisi, Hanifah Hj Ibrahim dan Saudah Mat Lazim mengangkat sebuah nilai ketamadunan manusia yang dipotretkan sebagai manusia yang kurang sifat integriti dan mengeluarkan pemikiran masyarakat tersebut dalam bentuk penulisan dengan memberi pendedahan dan iktibar kepada kelompok.

Secara jelasnya, kesimpulan bagi penulisan ilmiah ini adalah dengan memperlihatkan sudut pandang yang berbeza dalam meneroka penelitian teks dalam merungkai permasalahan sosial dan memaparkan realiti sosial yang terdapat dalam puisi-puisi terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa penulisan realiti sosial merungkai permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat yang dapat diuraikan melalui tiga elemen dalam teori sosiologi sastera. Ini dapat membuktikan analisis yang dibuat menyimpulkan objektif yang ditetapkan dengan menggunakan metodologi dan kaedah analisis yang sesuai. Oleh hal yang demikian, penulisan ini boleh dijadikan panduan kepada masyarakat dalam mengambil nilai yang sedia ada serta mendalami unsur realiti sosial seperti yang dipaparkan dalam buku *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka* (2013).

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Mohamad. 2013. *Nilai nasihat dalam puisi tradisional Teromba*. Unpublished Ph.D Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. 2019. Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Aizan Ali & Murni Buchik. 2017. Isu dan cabaran pendidikan remaja Muslim di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 12 (2), 41-49.  
<http://jice.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/10283>
- Ani Haji Omar. 2015. Kajian sosiologi bahasa dalam puisi-puisi Dharmawijaya. *Jurnal Peradaban Melayu* 10, 16-24.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/download/2002/1460/3368>
- Asmiaty Amat. 2011. Ngayau sebagai sebuah novel berwarna tempatan: Satu kajian sosiologi sastera. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 17, 39- 56.  
[https://www.researchgate.net/publication/306359010\\_Ngayau\\_Sebagai\\_Sebuah\\_Novel\\_Berwarna\\_Tempatan\\_Satu\\_Kajian\\_Sosiologi\\_Sastera](https://www.researchgate.net/publication/306359010_Ngayau_Sebagai_Sebuah_Novel_Berwarna_Tempatan_Satu_Kajian_Sosiologi_Sastera).
- Azlina Abdullah. 2010. Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia. *Akademika*, 78, 3-14. <http://journalarticle.ukm.my/594/>
- Azman Ab Rahman, Nur Wahida Lokman, Lutfi Mohamed Zain, Syed Mohd Najib Syed Omar & Setiyawan Gunardi. 2022. Analisis faktor-faktor gejala rasuah dan cabaran menanganinya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10 (1), 90-97.

- <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjsl/article/view/387>
- Escarpit, R. 2005. *Sosiologi Sastra* terjemahan Ida Sundari. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Fatimah Ali. 2007. Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145-154.
- <https://juku.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/5400>
- Hafizah Iszahanid. 2023. *Ke mana hala tuju puisi ese? Berita Harian*, 26 Jun.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2023/06/1119213/ke-mana-hala-tuju-puisi>
- Halis Azhan Mohd. Hanafiah. 2019. Dinamika perubahan masyarakat Melayu dalam novel Hatimu Aisyah karya SN Zurinah Hassan. *Seminar antarabangsa, susastera, bahasa dan budaya nusantara, Pusat Penyelidikan Langkawi, Kedah*, 803-816.  
<https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/803-816.pdf>
- Haliza Abdul Rahman. 2009. Penglibatan masyarakat awam di Malaysia dalam isu berkaitan persekitaran. *Sarjana*, 24 (2), 49-65 .  
<https://scholar.archive.org/work/jnecr2w6fbfelj5u3u5wiwppra/access/wayback/>
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
<https://prpm.dbp.gov.my>
- Megat Ayop Megat Arifin., & Abd. Halim Ahmad. 2016. Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia*, 12(9).  
[https://www.ukm.my/geografia/images/upload/13x.geografia-jul16-Megat-edam%20\(1\).pdf](https://www.ukm.my/geografia/images/upload/13x.geografia-jul16-Megat-edam%20(1).pdf)
- Mohamad Bokhari, Aida Nasirah Abdullah, Syed Najmuddin Syed Hassan, Zanariah Jano, Rosli Saadan. 2014. Hubungan antara kefahaman, kesedaran dan amalan teknologi hijau berdasarkan perspektif etnik di negeri melaka. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 7(2), 33-46. <http://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/view/2124>
- Mohd Dahlan A. Malek., & Ida Shafinaz Mohamed Kamil. 2010. Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: Cabaran dan realiti dunia siber. Dalam *Program Jenayah Cyber dan Isu Pemerdagangan manusia di Malaysia*, Resital Hall. Universiti Malaysia Sabah.  
<https://eprints.ums.edu.my/117>
- Norshahida Akma Alias., & Aziz Amin. 2019. Tahap pengetahuan, sikap dan tingkah laku terhadap pencemaran sungai berdasarkan faktor demografi. *Asian People Journal (APJ)*, 2 (1), 106-115.<https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/110>
- Nur Ayuni Nusaibah Husin., & Amir Hasan Dawi. 2019. Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12(1), 18-28. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol12.3.2019>
- Nur Hanis Athirah Rosazlan. 2023. *Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. [Final Year Project thesis], Universiti Malaysia Kelantan.  
<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/13112>
- Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari, Siti Norhafiza Sumadi, Nur Aqilah Salleh, Naziera Izzaty Ismail, Nurul Ain Hayati Adenan, & Mohd Razimi Husin. 2019. Masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 38-50. <https://lamintang.org/journal/index.php/ijhumass/article/view/21/18>
- Nurul Auni Nadhirah Mohd Rashidi & Azean Idruwani Idrus. 2021. Analisis stilistik dalam himpunan puisi Baharudin Zainal. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4 (2), 105-112.  
<https://www.iium.edu.my/media/77655/Analisis%20Stilistik%20dalam%20Himpunan%20Puisi%20Baharudin%20Zainal.pdf>

- Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir. 2013. Unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu Al-Amin karya A. Samad Said. *Jurnal Usuluddin*, 37, 117-150.  
<http://jummec.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7463>
- Ros Anita Kartini Mohamed & Nagesvari Paramasivan. 2020. Realiti sosial dalam novel ‘Orang Kota Bharu’. *Sains Insani*, 5(1), 173-179.  
<https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/177>
- Rosna Mohd. Khalid. 2008. Puisi-Puisi Eksperimen: Kerelevan dan signifikannya dalam sajak Melayu moden. *Jurnal Melayu*, 3, 101-113.  
<https://core.ac.uk/download/pdf/11491994.pdf>
- Suraidah Ambok Mangkek & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2018. Sosiologi dalam filem Werewolf dari Bangladesh (2015) Arah Mamat Khalid. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-16.<https://jurnalarticle.ukm.my/20272/1/76-Article%20Text-108-1-1020180501.pdf>
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2006. Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden. *Akademika*, 69, 3-16.  
<http://jurnalarticle.ukm.my/4293/2/akademika65%5B02%5D.pdf>
- Wahyu Cristy Sulung Saputri & Agus Hariadi. 2020. Realitas sosial dalam novel Anak Rantau karya Ahmad Fuadi. *Jurnal Pendidikan DEWANTARA: Media Komunikasi, Kreasi dan Inovasi Ilmiah Pendidikan*, 6(2), 83-92.  
<https://jurnal.stkipgritenggalek.ac.id/index.php/dewantara/article/view/55>
- Zabidin Ismail. 2011, Disember 12. Penulis Perak: Hanifah Hj Ibrahim.  
*blogspot*. <http://penulisperak.blogspot.com/2011/12/hanifah-hj-ibrahim.html>
- Zabidin Haji Ismail. 2013. *Suara Kita: Antologi Seribu Puisi Merdeka*. Jabatan Penerangan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Karyawan Perak.

#### Biodata Penulis:

**Sharifah Shahirah Syed Jaaffar** (Sarjana Muda Penulisan (Kepujian) Penulisan Kreatif) merupakan pelajar siswazah di Program Penulisan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran beliau ialah penulisan kreatif.

**Izra Inna Md Idris (PhD)** merupakan pensyarah kanan di Program Penulisan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran beliau ialah penulisan kreatif, kesusasteraan, kajian filem, sejarah, intertekstualiti, dan orientalisme.

**Siti Normala Hamzah (PhD)** merupakan pensyarah kanan di Program Penulisan, Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), Universiti Teknologi MARA. Bidang kepakaran beliau ialah penulisan kreatif, kajian kebudayaan, isu Melayu, kritikan filem, dan sosiologi.